

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 DISEMBER 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Fenomena 'New Moon' cetus banjir luar biasa	Sinar Harian
2	Banjir air pasang besar manakutkan	Kosmo
3	Banjir luar biasa di Pantai Timur	Kosmo
4	Enam daerah dinaiki air	Harian Metro
5	Bah luar biasa	Berita Harian
6	Perak, Perlis pula dinaiki air banjir	Berita Harian
7	4m-high waves to hit 3 states	New Straits Times
8	Fenomena 'New Moon', Monsun Timur Laut cetus banjir luar biasa	Bernamea.com

Fenomena 'New Moon', cetus banjir luar biasa

KUALA LUMPUR - Fenomena 'New Moon' iaitu kedudukan bulan berhampiran dengan bumi yang menyebabkan air pasang merupakan antara faktor yang mencetuskan banjir luar biasa di kawasan Pantai Timur pada tahun ini.

Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, keadaan banjir menjadi lebih teruk apabila ditambah dengan tiupan angin Monsun Timur Laut secara konsisten merentasi Laut China Selatan ke negara ini bermula November hingga Mac.

"Meskipun hujan semakin reda dan tidak lagi lebat, namun air banjir dilihat sukar untuk surut disebabkan fenomena 'New Moon' yang mana bulan berada dekat dengan bumi yang menyebabkan air pasang lebih tinggi dari biasa.

"Selain itu, hujan yang tidak berhenti mengakibatkan aliran sungai dari hulu ke kuala tidak sampai menyebabkan air sungai melimpah keluar dan banjir teruk," katanya.

Katanya, pihaknya menjangkakan hujan lebat akibat tiupan angin Monsun Timur Laut di negeri pantai timur sejak minggu lal, akan berterusan sehingga awal Januari depan.

"Keadaan cuaca dijangka bertambah baik pada hari ini hingga esok berikutan ramalan menunjukkan hujan hanya berlaku di satu atau dua tempat di negeri berkenaan," katanya.

Dr Mohd Hisham menjelaskan musim Monsun Timur Laut yang membawa kepada hujan lebat terbahagi kepada tiga episod, iaitu episod pertama yang berlaku pada akhir November, episod kedua pada 16 hingga 19 Disember diikuti yang ketiga iaitu Isnin lepas hingga esok.

"Walaupun cuaca dijangka baik pada dua hari tersebut, namun kami menjangkakan ada lagi episod keempat iaitu bermula 28 sehingga 31 Disember dan mungkin akan berterusan sehingga awal Januari," katanya. - Bernama

- Lebih 41,098 mangsa dipindahkan di enam buah negeri
- Kelantan paling teruk apabila 21,594 mangsa banjir dipindahkan
- Fenomena *full moon* memburukkan lagi bencana banjir di Pantai Timur



KELANTAN



ORANG ramai berpusu-pusu melihat paras Sungai Kelantan yang naik ke paras bahaya di Kota Bharu semalam.



TERENGGANU

PENDUDUK kampung melihat pagar sebuah resort yang runtuh akibat kesan hakisan fenomena air pasang besar di Marang, Terengganu semalam.



PAHANG

BANJIR turut melanda Bandar Maran di Pahang semalam.

Banjir air pasang besar menakutkan

BENCANA banjir di Malaysia kini semakin menakutkan apabila lebih 41,098 mangsa telah dipindahkan setakat pukul 10 malam tadi ialah 21,594 orang diikuti Terengganu (12,403), Pahang (6,286), Sabah (287), Perlis (93) dan Perak seramai 435 orang.

Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuca

Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, fenomena *full moon* iaitu kedudukan bulan berada lebih dekat dengan bumi yang menyebabkan air pasang lebih tinggi merupakan antara faktor yang mencetuskan banjir luar biasa di kawasan Pantai Timur pada tahun ini.

"Hujan yang tidak berhenti menyebabkan aliran air sungai dari hulu ke kuala melimpah sehingga menyebabkan banjir teruk," katanya kepada *Bernama* di Kuala Lumpur semalam.

BERITA DI MUKA 2 DAN 3

Fenomena *full moon* ketika musim Monsun Timur Laut memburukkan keadaan

Banjir luar biasa di Pantai Timur

Oleh NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM, FIRDAUS HASSAN, LUKMAN HAKIM AB RAHIM, YATIMIN ABDULLAH, JULIA RAIS, MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM, MOHD. YUNUS YAKKUB dan ADHAM SHADAN
bentar@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Keadaan banjir di enam buah negeri semalam semakin buruk apabila lebih 41,098 mangsa terpaksa mendapat perlindungan di pusat-pusat pemindahan. Banjir itu yang disebabkan fenomena kedudukan bulan berhampiran dengan bumi mengakibatkan berakutnya air pasang besar di Pantai Timur selain hujan lebat yang turun secara berterusan di Pantai Barat.

Kelantan merupakan negeri paling teruk dilanda banjir dengan jumlah mangsa dipindahkan setakat pukul 10 malam tadi ialah 21,594 orang diikuti Terengganu (12,403), Pahang (6,286), Sabah (287), Perlis (93) dan Perak 435 orang.

Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, keadaan banjir menjadi lebih teruk apabila ditambah dengan tiupan angin Monsun Timur Laut secara konsisten merentasi Laut China Selatan ke negara ini bermula bulan November hingga Mac.

"Meskipun hujan semakin reda dan tidak lagi lebat, namun air banjir dilihat sukar untuk surut disebabkan fenomena *full moon* yang mana bulan berada dekat dengan bumi



PENDUDUK menggunakan sampan untuk berpindah dari rumah mereka di Kampung Bukit Rangin, Kuantan.

Meskipun hujan semakin reda dan tidak lagi lebat, namun air banjir dilihat sukar untuk surut disebabkan fenomena *full moon* yang mana bulan berada dekat dengan bumi yang menyebabkan air pasang lebih tinggi daripada biasa

MOHD. HISHAM MOHD. ANIP

yang menyebabkan air pasang lebih tinggi daripada biasa.

"Selain itu, hujan yang tidak berhenti sebelumnya menyebabkan aliran sungai dari hulu ke kuala tidak sampai sehingga menyebabkan air sungai melimpah keluar sehingga menyebabkan banjir teruk," katanya ketika dihubungi *Bernamea* semalam.

Katanya, pihaknya menjangkakan hujan lebat akibat tiupan angin Monsun Timur Laut di Kelantan, Terengganu

dan Pahang sejak minggu lalu akan berterusan sehingga awal Januari depan.

Dr. Mohd Hisham menjelaskan, musim Monsun Timur Laut yang membawa kepada hujan lebat terbahagi kepada tiga episod, iaitu episod pertama yang berlaku pada akhir bulan November, episod kedua pada 16 hingga 19 Disember diikuti dengan yang ketiga iaitu bermula semalam lepas hingga esok.

"Walaupun cuaca dijangka baik pada dua hari tersebut, namun kami menjangkakan ada lagi episod keempat iaitu bermula pada 28 Disember sehingga 31 Disember dan mungkin akan berterusan sehingga awal bulan Januari," katanya.

Dr. Mohd. Hisham berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan banjir akan berlaku lagi selepas 28 Disember ini di kawasan-kawasan kedudukan rendah dan berdekatan dengan sungai.

"Ketika musim Monsun Timur Laut, kawasan Pantai

Timur dijangka mengalami empat hingga lima episod hujan lebat menyeluruh dan berterusan selama tiga hingga tujuh hari bermula pada November hingga Januari 2015 serta di kawasan barat Sarawak dan Sabah pada Januari hingga Mac 2015," katanya.

Sementara itu, benteng di belakang chalet Che' Wer milik Jamilah Abdullah, 50, di pantai Rusila, Terengganu runtuh malam kelmarin ekoran angin kencang dan ombak kuat yang melanda sejak beberapa hari lalu.

Perak mula dilanda banjir semalam yang menyebabkan seramai 435 penduduk daripada 109 keluarga di Hulu Perak dan Kuala Kangsar terpaksa dipindahkan ke 14 pusat pemindahan selepas kediaman mereka dinaiki air.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negeri (MKN), Jasimi Zenol Abidin berkata, jumlah paling ramai mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan dicatatkan di daerah Hulu Perak dengan 293 penduduk daripada 78 keluarga.

Di Sabah, keadaan banjir di Tenom bertambah baik apabila hanya tinggal 19 mangsa di pusat pemindahan berbanding 194 mangsa tengah hari semalam manakala di Beaufort jumlah mangsa meningkat kepada 268 orang.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) Perlis berkata, tiga pusat pemindahan dibuka di Kangar dan Padang Besar ekoran banjir kilat kerana hujan lebat sejak Sabtu lalu.

"Jumlah keseluruhan mangsa ialah 93 orang yang melibatkan 25 keluarga," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Trafik dan Ketenteraman Awam Kelantan mengesahkan laluan di Kilometer 66, Lebuhraya Timur Barat yang menghubungkan Jeli ke Gerik, Perak ditutup selepas runtuh akibat banjir lebat malam tadi.

INFO Jumlah terkini mangsa banjir

Negeri/ Daerah	Jumlah mangsa dipindahkan	Mangsa maut/hilang
KELANTAN		
Jeli	282	
Tumpat	3,935	1 maut
Machang	73	
Pasir Mas	8,754	
Gua Musang	4,145	
Kota Bharu	86	1 maut
Kuala Krai	3,433	1 maut
Pasir Puteh	549	
Tanah Merah	312	1 maut
Jumlah	21,594	4 maut
TERENGGANU		
Besut	590	
Setiu	22	1 maut
Dungun	2,665	
Kemaman	5,592	
Hulu Terengganu	648	
Kuala Terengganu	2,803	1 maut
Marang	94	
Jumlah	12,403	2 maut
PAHANG		
Kuantan	3,525	
Pekan	99	
Maran	1,373	
Jerantut	384	
Rompin	246	
Lipis	659	
Jumlah	6,286	
PERAK		
Hulu Perak	293	
Kuala Kangsar	142	
Jumlah	435	
PERLIS		
Jumlah	93	
SABAH		
Beaufort	287	
Jumlah	287	

Jumlah keseluruhan: 41,098 Kematian: 6

* Statistik sehingga pukul 9 malam

Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)
Majlis Keselamatan Negara
Tel: 03-8064 2400 (24 jam)
E-mel: opsroom@ndcc.gov.my

INFO Mangsa banjir yang dipindahkan mengikut negeri



BEBERAPA penduduk menggunakan sampan mengharungi banjir yang berlaku di Kuala Krai, Kelantan semalam.



BEBERAPA penduduk tempatan menarik lori Tenaga Nasional Berhad yang terkandas ekoran banjir di Felda Lasa, Sungai Siput, Perak.

Info Solat
24 DISEMBER 2014
2 RABULAWAL 1436H

	SUBUH	SYURUJ	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
K. LUMPUR	5:54	7:16	1:15	4:38	7:12	8:26
SHAH ALAM	5:54	7:16	1:15	4:38	7:12	8:26
SEREMBAN	5:50	7:12	1:14	4:37	7:12	8:27
MELAKA	5:49	7:11	1:13	4:36	7:11	8:26
JOHOR BAHRU	5:42	7:04	1:07	4:31	7:07	8:22
IPOH	5:58	7:18	1:18	4:41	7:13	8:28
P. PINANG	6:02	7:22	1:20	4:41	7:14	8:29
ALOR SETAR	6:03	7:23	1:21	4:41	7:12	8:27
K. TERENGGANU	5:50	7:12	1:09	4:31	7:03	8:17
KOTA BHARU	5:59	7:18	1:13	4:34	7:05	8:16
KUANTAN	5:47	7:09	1:10	4:33	7:07	8:22
KANGAR	6:03	7:26	1:20	4:41	7:12	8:27
TAWAU	4:50	6:13	1:21	3:33	6:06	7:21
KOTA KINABALLU	4:59	6:22	1:27	3:38	6:10	7:25
KUCHING	5:17	6:35	1:42	4:06	6:41	7:56
MIRI	5:05	6:23	1:26	3:49	6:22	7:37

*Kawasan-kawasan seawaktu ditentunya

BANJIR GELOMBANG KEDUA

Enam daerah dinaiki air

Oleh Syah Rul Aswari Abdullah
am@hmetro.com.my
Kuantan

Kadaan banjir di negeri ini semakin buruk apabila enam daerah dinaiki air susulan hujan berterusan sejak Ahad lalu dan keadaan air pasang besar malam kelmarin.

Mengikut jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, sehingga jam 8 malam tadi, seramai 8,193 mangsa banjir daripada 2,089 keluarga dipindahkan ke 80 pusat pemindahan sementara sementara (PPS), meningkat hampir 10 kali ganda berbanding 821 orang daripada 226 keluarga di 13 PPS, kelmarin.

Menurutnya, Kuantan mencatatkan mangsa banjir paling ramai dengan 3,809 orang daripada 1,055 keluarga ditempatkan di 22 PPS, diikuti Maran (2,218 orang, 536 keluarga, 15 PPS) dan Lipis (1,104 orang, 277 keluarga, 18 PPS).



FOTO: LIOMAN HAKIM ZUBIR

FAKTA
8,193 mangsa banjir
daripada 2,089
keluarga
dipindahkan ke 80
pusat pemindahan
sementara

PENDUDUK di Perkampungan Bukit Rangin mula meninggalkan rumah mereka untuk ke pusat pemindahan mangsa banjir yang berdekatan berikutan kenaikan paras air di kawasan itu yang semakin membimbangkan.

Jerantut (621 orang, 124 keluarga, 17 PPS), Rompin (258 orang, 59 keluarga, tiga PPS) dan Pekan (183 orang, 38 keluarga, lima PPS).

Timbalan Pengawal Pusat Kawalan Operasi Banjir Ibu Pejabat Polis Daerah Maran Asisten Superintendan Mazlan Mat Daud berkata, mangsa banjir di Maran di-

pindahkan secara berperingkat-peringkat sejak malam kelmarin.

Menurutnya, pihaknya menjangka bilangan mangsa bertambah berikutan hujan lebat masih melanda daerah itu.

"Berdasarkan laporan Jabatan Pengaliran dan Saliran Daerah Maran berlaku trend peningkatan paras air di beberapa sungai utama di daerah ini.

"Bagaimanapun pusat ka-

walan operasi banjir daerah sentiasa bersiap siaga bersama jabatan lain, tentera, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu mangsa banjir," katanya.

Katanya, antara pusat pemindahan banjir ialah Masjid Kampung Luit, Kampung Bak-Bak, Kampung Kuala Sentol, Taman Sri Chedung, Taman Maran Jaya, Kampung Bukit Kuin, Felda Jengka 14 dan Kampung Ulu Luit.

Beliau berkata, jalan lama Kuantan-Marang di kawasan Jambatan Belimbing hanya boleh dilalui kenderaan berat, jalan lama Marang-Jerantut ditutup kepada semua kenderaan manakala Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) boleh dilalui seperti biasa.

"Kami sentiasa mengawasi paras air Sungai Marang, Sungai Chedung dan Sungai Sri Jaya berikutan hujan lebat masih lagi berterusan petang ini (semalam)," katanya.

Bandar Marang turut dinaiki banjir air pagi semalam tetapi pulih dalam jangka masa singkat.

Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat merah bagi daerah Kuantan, Jerantut, Marang, Pekan dan Rompin yang berterusan hingga hari ini.

Keadaan angin diramalkan berkelajuan antara 60 sehingga 70 kilometer sejam selain keadaan laut bergelora yang mencapai ketinggian ombak setinggi 5.5 meter.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 24 DISEMBER 2014 (RABU)



BAH LUAR BIASA

» 46,461 mangsa terpaksa dipindahkan di tiga negeri

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim, Suzianah Jiffar, Hanneeyzah Bariah Baharin, Mohamed Farid Noh, Mohd Zulkifli Zainuddin, Mohd Nazlie Zainul, Baiqis Jazimah Zahari dan Munirah Musthpar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kadaan banjir di Kelantan, Terengganu dan Pahang semakin buruk semalam apabila 46,461 daripada 10,828 keluarga dipindahkan ke 292 pusat pemindahan.

Serentak itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersiap siaga menghadapi kemungkinan banjir luar biasa melanda Pantai Timur.

Setiasaha MKN, Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab, berkata hujan lebat dan air pasang besar dijangka berlarutan sehingga Sabtu ini dan dijangka mencetuskan banjir yang luar biasa.

Di Kota Bharu, keadaan banjir di Kelantan semakin buruk apabila mangsa banjir terus meningkat kepada 21,633 mangsa membabitkan 6,694 keluarga sehingga jam 8 malam tadi.

Portal Banjir Kelantan melaporkan, sebanyak 96 pusat peminda-

dahan dibuka membabitkan sembilan daerah termasuk Kota Bharu yang terpaksa dibuka semula, selepas beberapa lokasi di daerah itu dilanda banjir.

23 laluan ditutup

Sebanyak 23 laluan di Kelantan ditutup akibat banjir, manakala laluan di Kilometer 40 Jalan Gua Musang-Lojing-Simpang Pulau terpaksa ditutup untuk semua kenderaan selepas berlaku tanah runtuh tengah hari kelmarin.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Saiful Bahri Abdullah, ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu dan tiada

mangsa dilaporkan.

Sementara itu, sebanyak 23 laluan terpaksa ditutup kepada kenderaan ringan dan berat selepas paras air semakin meningkat.

Ia membabitkan daerah Gua Musang, Jeli, Kota Bharu, Kuala Krai, Mchang dan Pasir Mas.

Di Kuala Terengganu, air pasang besar yang melanda negeri itu sejak malam kelmarin agak tinggi berbanding yang pernah berlaku sebelum ini.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Terengganu, Jenuwa Husin, berkata malam kelmarin dan malam tadi adalah kemuncak air pasang besar apabila paras air


diramal setinggi 3.19 meter, berbanding paras biasa kurang satu meter.

"Justeru, kita mengingatkan penduduk terutama yang tinggal berhampiran kawasan sungai dan laut supaya sentiasa berjaga-jaga dan berpindah mengikut arahan pihak berkuasa jika perlu.

"Malam ini (tadi) dan esok (hari ini) dijangka kemuncak air pasang besar dengan ketinggian paras air dijangka sehingga 3.19 meter, berbanding 2.17 meter malam semalam (kelmarin)," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, fenomena air pasang besar itu yang berlaku

Masa/Jam	Tempat menyukat hujan								
	Sungai Galas	Sungai Lebir	Sungai Kelantan			Sungai Golok		Sungai Semerak	
	Dabong	Tualang	Tangga Krai	Jambatan Guillemard	Tambahan Diraja	Jenob	Rantau Panjang	Pasir Putih	
NORMAL	28.00	23.00	17.00	10.00	1.00	19.00	5.00	0.40	
BERJAGA	32.00	27.00	20.00	12.00	3.00	21.50	7.00	2.00	
AGALAN	36.00	31.00	23.00	14.00	4.00	23.50	8.00	2.50	
BAHAYA	38.00	35.00	25.00	16.00	5.00	23.50	9.00	3.00	
00:00	40.12	35.58	27.87	16.99	4.48	22.80	10.40	1.70	
01:00	40.29	38.75	28.00	17.09	4.58	22.82	10.40	1.64	
02:00	40.50	38.95	28.11	17.19	4.64	23.01	10.39	1.56	
03:00	40.70	39.15	28.21	17.29	4.62	22.95	10.39	1.46	
04:00	40.84	39.30	28.35	17.38	4.74	23.07	10.38	1.36	
05:00	41.02	39.46	28.47	17.46	4.74	23.01	10.38	1.26	
06:00	41.31	39.62	28.56	17.55	4.82	23.08	10.37	1.19	
07:00	41.40	39.79	28.66	17.63	4.85	23.09	10.36	1.19	
08:00	41.59	39.83	28.83	17.71	4.90	23.08	10.35	1.20	
09:00	41.76	40.00	28.91	17.79	4.94	23.02	10.36	1.16	
10:00	41.97	40.07	29.02	17.87	4.98	23.08	10.35	1.08	
11:00	42.08	40.27	29.10	17.95	5.26	22.87	10.34	1.01	
12:00	42.26	40.42	29.20	18.03	5.28	22.82	10.35	0.93	
13:00	42.39	40.51	29.32	18.11	5.32	22.76	10.32	0.85	
14:00	42.59	40.84	29.47	18.18	5.25	22.71	10.33	0.77	
15:00	42.76	41.01	29.52	18.25	5.31	22.83	10.32	0.70	
16:00	42.93	41.16	29.63	18.33	5.36	22.86	10.31	0.65	
17:00	43.13	41.32	29.76	18.41	5.36	22.47	10.32	0.61	
18:00	43.30	41.18	29.89	18.48	5.41	22.44	10.31	0.76	
19:00									
20:00									



Laluan di KM44 Jalan Lojing-Pas Blau dekat Gua Musang runtuh.



PM arah cari kaedah terbaik bantu mangsa

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak malam tadi mengarahkan petugas untuk mengenal pasti cara terbaik bagi memastikan bantuan dapat sampai kepada mangsa banjir.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memastikan

beban mangsa banjir diringankan dan bantuan sampai kepada mangsa yang memerlukan.

"Saya harap semua pihak yang mampu membantu mengambil inisiatif bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk sama-sama meringankan beban mangsa banjir," katanya dalam status terkini laman Facebook beliau.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 7
TARIKH : 24 DISEMBER 2014 (RABU)



“ Kita mengingatkan penduduk terutama yang tinggal berhampiran kawasan sungai dan laut supaya sentiasa berjaga-jaga dan berpindah mengikut arahan pihak berkuasa jika perlu ”

Jenuwa Husin,
Pengarah Jabatan
Meteorologi Malaysia
Terengganu



Perak, Perlis pula dinaiki air banjir

Kuala Lumpur: Perak dan Perlis mula dilanda banjir semalam, selepas Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sabah.

Di Ipoh, sekurang-kurangnya 250 penduduk daripada 68 keluarga di tiga daerah di Perak terpaksa dipindahkan ke 10 pusat pemindahan selepas kediaman mereka dilanda banjir.

Banjir yang berlaku di dua daerah iaitu Hulu Perak dan Kuala Kangsar berpunca limpahan air Sungai Perak akibat pelepasan air Empangan Chenderoh milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta hujan berterusan sejak kelmarin. Pelepasan air terpaksa dibuat demi keselamatan empangan berikutan hujan lebat luar biasa di daerah Hulu Perak.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak, Datuk Abdul Razak Dahalan berkata, TNB mengesahkan terpaksa melepaskan air yang banyak dari empangan berkenaan ke Sungai Perak.

Kawasan rendah, lembah dinaiki air

“Setakat ini (sehingga jam 7 petang) kita dimaklumkan pihak TNB melepaskan lebih 800 meter padu air ke sungai itu dan ia menyebabkan kawasan rendah atau lembah termasuk di Kuala Kangsar dinaiki air.”

“Pada ketika ini (jam 7 petang) paras air Sungai Perak mencapai tahap amaran dan penduduk kawasan sepanjang sungai itu khususnya kawasan rendah yang dilalui sungai itu di empat daerah iaitu Hulu Perak, Kuala Kangsar, Perak Tengah dan Hilir Perak sudah diberikan amaran dan bersedia untuk dipindahkan jika paras air sungai terus naik,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, Setiausaha Majlis Keselamatan Negeri (MKN), Jasimi Zeniil Abidin berkata, seramai 180 penduduk dari 55 keluarga di dua kawasan di Lenggong di daerah Hulu Perak terpaksa dipindahkan.

Beliau berkata, mereka terdiri daripada 61 mangsa dari Kampung Labik dan Kampung Sumpitan dengan kesemua mereka ditempatkan di lima pusat pemindahan banjir.

“Lima pusat berkenaan ialah Dewan Orang Ramai Kampung Teluk Batu, Dewan Orang Ramai Kampung Sumpitan, Sekolah Kebangsaan Kota Lubuk Kawah, Pusat Kegiatan Rakan Muda Luat dan Dewan Orang Ramai Kampung Temelong,” katanya ketika ditemui di pejabat MKN di sini, semalam.

93 mangsa dipindahkan

Di Kangar, banjir yang melanda Perlis menyebabkan 93 mangsa daripada 25 keluarga dipindahkan ke tiga pusat pemindahan, semalam.

Sementara itu di **Batu Pahat**, ratusan kediaman penduduk di beberapa kampung yang terletak di kawasan rendah dan berhampiran sungai ditenggelami air sehingga hampir empat jam berikutan fenomena air pasang besar luar biasa.

Kawasan yang terjejas termasuk penempatan penduduk di Desa Sri Banang, Minyak Beku; Kampung Kebun Baru, Rengit Laut dan Sungai Suloh di Senggarang.

Fenomena air pasang besar luar biasa yang bermula kira-kira jam 9.30 pagi sebelum surut kira-kira jam 1 tengah hari itu menyebabkan bukan saja air sungai memasuki rumah, malah memusnahkan harta benda penduduk termasuk perabot serta peralatan elektrik.

Paling terjejas teruk adalah kawasan penempatan Orang Asli, Desa Sri Banang, Minyak Beku, dekat sini, apabila sebanyak 100 rumah penduduk dimasuki air sehingga paras betis kira-kira empat jam.

berikutan peningkatan paras laut bertambah buruk apabila bertembung dengan musim tengkujuh.

Sementara itu, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Ahmad Jusoh, berkata cuaca hujan dan pertembungan air sungai serta peningkatan paras laut menyebabkan banjir semakin buruk, sehingga beberapa jalan utama terpaksa ditutup kerana dinaiki air.

3,193 mangsa

Di Kuantan, keadaan banjir di Pahang semakin buruk dengan jumlah mangsa meningkat kepada 8,193 orang daripada 2,089 keluarga dipindahkan di 80 pusat pemindahan, termasuk tiga daerah baharu iaitu Pekan, Rompin dan Maran.

Jumlah direkodkan sehingga jam 8 malam tadi meningkat hampir 10 kali ganda berbanding tempoh sama sehingga kelmarin dan ia berpunca akibat peningkatan jumlah kawasan dinaiki air berikutan hujan lebat berterusan.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang berkata, mangsa paling ramai direkodkan adalah di Kuantan yang membabitkan 3,809 orang daripada 1,055 keluarga dan mereka ditempatkan di 22 pusat pemindahan diikuti Maran (2,218 orang daripada 536 keluarga) dan Lipis (1,104 daripada 227 keluarga).

Katanya, seramai 621 orang daripada 124 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan di Jerantut, Rompin (258 orang daripada 59 keluarga) dan Pekan (183 orang daripada 38 keluarga).

Di Kota Kinabalu, seramai 350 orang daripada lebih 100 keluarga membabitkan tiga daerah dipindahkan akibat banjir di Sabah, semalam.

Ketika keadaan di Tenom semakin pulih apabila hanya 19 mangsa daripada tiga keluarga masih berada di sebuah pusat pemindahan sementara di Rumah Kebudayaan Naluyan, banjir bagaimanapun semakin buruk di Beaufort dan mula melanda Kudat.

Pegawai Daerah Beaufort, Mohd Shahid Othman, berkata lebih 3,000 penduduk membabitkan lebih 30 kampung terjejas akibat banjir, susulan limpahan Sungai Padas, namun jumlah penduduk dipindahkan setakat lewat petang semalam ialah 268 orang daripada 101 keluarga di Dewan Baru Beaufort.



30 KAMPUNG DI BEAUFORT TERJEJAS **124** KELUARGA DIPINDAHKAN DI JERANTUT



PRIME NEWS

REPORTS BY NIK IMRAN ABDULLAH, ROSLI ZAKARIA, T.N. ALAGESH, SULAIMAN JAAFAR, RAMLI IBRAHIM, NOR AMALINA ALIAS, SHAMSUDIN HUSIN, KRISTY INUS, TASNIM LOKMAN AND AINA NASA

4m-high waves to hit 3 states

AT RISK: Authorities tell people to get ready for grab-and-go evacuations

KUALA LUMPUR

THOSE on the east coast have been warned to brace themselves for the worst floods in recent history.

A powerful combination of king tides and strong winds are expected to slam into Kelantan, Terengganu and Pahang, which are still dealing with slowly receding floodwaters.

Communities in coastal areas

and along river mouths have been warned to ready themselves for immediate grab-and-go evacuations, as the worst is expected to unfold tonight or tomorrow.

The high-alert notification follows not only the sustained rain in recent days, but is also in anticipation of tidal waves as high as 4.35m hitting the states.

This is expected to happen for two nights from yesterday.

Many in coastal areas in Tereng-



Flooding in Bandar Lama, Gua Musang, in Kelantan yesterday. Pic by Ramli Ibrahim

ganu last night caught a glimpse of the power that comes with waves that high.

About 10pm, a little under two hours after 2.9m waves hit, residential areas were inundated by floodwaters that rose rapidly to about 30cm high.

The last time floods of this magnitude occurred was some 20 years ago.

Other states hit by the floods include Sabah, Sarawak, Labuan and Perak.

The Meteorological Department has been less hopeful of a reprieve from the situation, saying the heavy rainfall would likely subside only in the middle of next month.

National Weather Centre senior meteorologist Dr Mohd Hisham Mohd Anip said in the past few days, these states experienced double the rainfall compared with last year.

Some 600mm of rain fell over Kelantan and Terengganu last year, compared with the 1,200mm for the same period this year. Kuantan recorded 1,000mm of rainfall, compared with 500mm last year.

The department said the unusually high tides and floods were caused by a combination of three elements: the new moon, surges of strong winds and the perigee, or the point when the moon is closest

to the Earth and its gravitational force is at its strongest.

"With the moon close to Earth and the stronger gravitational pull, the consequential stronger pull on water causes high tides.

"The new moon and perigee normally occur separately, but now, they are occurring almost simultaneously," he told the *New Straits Times*, adding that strong winds of 60kph over the South China Sea were exacerbating the situation.

Hisham said the three states should prepare for more torrential rains from Sunday.



Page 1 pic: A resident of Pulau Teluk Renjuna in Tumpat, Kelantan, wading in chest-high floodwater to safety yesterday.



Fenomena 'New Moon', Monsun Timur Laut Cetus Banjir Luar Biasa

Oleh Soon Li Wei

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Fenomena 'New Moon' iaitu kedudukan bulan berhampiran dengan bumi yang menyebabkan air pasang merupakan antara faktor yang mencetuskan banjir luar biasa di kawasan Pantai Timur pada tahun ini.

[Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr Mohd Hisham Mohd Anip](#) berkata keadaan banjir menjadi lebih teruk apabila ditambah dengan tiupan angin Monsun Timur Laut secara konsisten merentasi Laut China Selatan ke negara ini bermula bulan November hingga Mac.

"Meskipun hujan semakin reda dan tidak lagi lebat, namun air banjir dilihat sukar untuk surut disebabkan fenomena 'new moon' yang mana bulan berada dekat dengan bumi yang menyebabkan air pasang lebih tinggi daripada biasa.

"Selain itu, hujan yang tidak berhenti sebelumnya menyebabkan aliran sungai dari hulu ke kuala tidak sampai sehingga menyebabkan air sungai melimpah keluar sehingga menyebabkan banjir teruk," katanya ketika dihubungi Bernama Selasa.

Katanya pihaknya menjangkakan hujan lebat akibat tiupan angin Monsun Timur Laut di Kelantan, Terengganu dan Pahang sejak minggu lalu, akan berterusan sehingga awal Januari depan.

"Namun keadaan cuaca dijangka bertambah baik pada hari ini hingga esok berikutan ramalan kami menunjukkan hujan hanya berlaku di satu atau dua tempat di negeri-negeri berkenaan," katanya.

Dr Mohd Hisham menjelaskan musim Monsun Timur Laut yang membawa kepada hujan lebat terbahagi kepada tiga episod, iaitu episod pertama yang berlaku pada akhir bulan November, episod kedua pada 16 hingga 19 Dis diikuti dengan yang ketiga iaitu Isnin lepas hingga Rabu.

"Walaupun cuaca dijangka baik pada dua hari tersebut, namun kami menjangkakan ada lagi episod keempat iaitu bermula pada 28 Dis sehingga 31 Dis dan mungkin akan berterusan sehingga awal bulan Januari," katanya.

Dr Mohd Hisham berkata pihaknya tidak menolak kemungkinan banjir akan berlaku lagi selepas 28 Dis ini di kawasan-kawasan kedudukan rendah dan berdekatan dengan sungai.

"Ketika musim Monsun Timur Laut, kawasan Pantai Timur dijangka mengalami empat hingga lima episod hujan lebat menyeluruh dan berterusan selama tiga hingga tujuh hari pada November hingga Januari 2015, serta kawasan barat Sarawak dan Sabah pada Januari hingga Mac 2015.

"Oleh itu, penduduk yang tinggal di kawasan tepi sungai dan rendah dinasihatkan supaya sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan termasuk banjir," katanya.

-- BERNAMA